



**PENERAPAN ELEMEN 4K1N DALAM
RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN
GURU BAHASA TAMIL
SEKOLAH RENDAH**



VIKNESVARAN A/L MUNIANDY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2026





**PENERAPAN ELEMEN 4K1N DALAM RANCANGAN
PENGAJARAN HARIAN GURU BAHASA TAMIL
SEKOLAH RENDAH**

VIKNESVARAN A/L MUNIANDY



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PEDAGOGI)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2026





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada10 MAC 2026.....

I. PERAKUAN PELAJAR:

Saya, VIKNESVARAN A/L MUNIANDY, (M20221001460),
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk
PENERAPAN ELEMEN 4K1N DALAM RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN GURU
BAHASA TAMIL SEKOLAH RENDAH, adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan
apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan
yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran
semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. PERAKUAN PENYELIA:

Saya, PROFESOR MADYA MD NASIR BIN MASRAN dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENERAPAN ELEMEN 4K1N DALAM
RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN GURU BAHASA TAMIL SEKOLAH RENDAH
dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian
Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA
PENDIDIKAN PEDAGOGI.

10.03.2026

Tarikh

PROF MADYA DR. MD NASIR BIN MASRAN
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PENERAPAN ELEMEN 4K1N DALAM RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN GURU
BAHASA TAMIL SEKOLAH RENDAH**

No. Matrik / : **M20221001460**

Saya / I am: **VIKNESVARAN A/L MUNIANDY** (Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan. Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institut Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai TERHAD atau SULIT. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh/Date: 10.03.2026

PROF MADYA DR. MD NASIR BIN MASRAN
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK

Tarikh/Date: 10.03.2026

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan sempurna. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya MD Nasir Bin Masran, penyelia penyelidikan saya atas bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan beliau sepanjang proses penulisan kajian ini. Seterusnya, penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini. Terutamanya guru-guru Bahasa Tamil yang menjadi responden dalam kajian ini. Tidak dilupakan juga kedua ibu bapa serta rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan sokongan moral dan semangat. Akhir sekali, saya berdoa agar segala usaha ini mendapat keberkatan dan memberi manfaat kepada dunia pendidikan.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana guru Bahasa Tamil sekolah rendah mengintegrasikan elemen 4K1N (Kolaborasi, Komunikasi, Pemikiran Kritis, Kreativiti dan Nilai) dalam penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), mengenal pasti bagaimana aktiviti pengajaran dan pembelajaran mencerminkan prinsip 4K1N serta meneliti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan campuran yang menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Bagi pendekatan kualitatif, seramai lapan orang guru Bahasa Tamil sekolah rendah di daerah Hilir Perak telah ditemu bual menggunakan protokol temu bual separa berstruktur yang dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu Bahagian A: Pengenalan dan Pembinaan Rapport, Bahagian B: Latar Belakang dan Pengalaman Responden, Bahagian C: Pemahaman, Amalan dan Cabaran Pelaksanaan 4K1N serta Bahagian D: Cadangan dan Harapan. Protokol ini bertujuan mendapatkan maklumat mendalam tentang tahap kefahaman, amalan serta cabaran sebenar guru dalam menerapkan elemen 4K1N. Bagi pendekatan kuantitatif pula, seramai 66 orang guru Bahasa Tamil telah melengkapkan soal selidik berskala Likert lima mata yang mengandungi 35 item dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A: Maklumat Demografi, Bahagian B: Tahap Penerapan Elemen 4K1N dan Bahagian C: Cabaran Guru dalam Penerapan Elemen 4K1N. Data dianalisis menggunakan Statistik Deskriptif, Korelasi dan Regresi bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Dapatan menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Tamil mempunyai tahap integrasi elemen 4K1N yang tinggi dalam RPH mereka (min = 4.39), dengan penekanan terhadap aktiviti kolaboratif dan komunikasi. Terdapat hubungan positif antara kecekapan guru dan pengintegrasian elemen 4K1N ($r = 0.414$) serta hubungan yang kuat antara integrasi ICT dan elemen 4K1N ($r = 0.70$). Walaupun guru menghadapi kekangan sumber dan inisiatif, mereka tetap berusaha menyesuaikan diri dan melaksanakan prinsip PAK21 secara berkesan. Kajian mencadangkan pembangunan profesional berterusan, bimbingan rakan sebaya dan penyediaan sumber pengajaran yang disesuaikan dengan 4K1N sebagai langkah memperkukuh pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan Bahasa Tamil





THE IMPLEMENTATION OF 4C1V ELEMENTS IN THE DAILY LESSON PLANS OF TAMIL LANGUAGE TEACHERS IN PRIMARY SCHOOLS

ABSTRACT

This study was conducted to evaluate the extent to which Tamil language teachers in primary schools integrate the elements of 4C1V (Collaboration, Communication, Critical Thinking, Creativity and Values) in the preparation of their Daily Lesson Plans (RPH). It also aimed to identify how teaching and learning activities reflect these principles and to examine the challenges faced by teachers in their implementation. The study employed a mixed-method research design combining qualitative and quantitative approaches. For the qualitative phase, eight Tamil language teachers from primary schools in the Hilir Perak district were interviewed using a semi-structured interview protocol divided into four main sections: Part A: Introduction and Rapport Building, Part B: Background and Teaching Experience, Part C: Understanding, Practices and Challenges in Implementing 4C1V and Part D: Suggestions and Expectations. The protocol was designed to obtain in-depth information on teachers' understanding, classroom practices and real challenges in applying 4C1V elements. For the quantitative phase, a total of 66 Tamil language teachers completed a five-point Likert scale questionnaire consisting of 35 items divided into three sections: Part A: Demographic Information, Part B: Level of 4C1V Implementation and Part C: Challenges Faced by Teachers in Applying 4C1V. Data were analyzed using descriptive statistics, correlation and regression analyses to address the research questions and objectives. The findings revealed that Tamil language teachers demonstrated a high level of 4C1V integration in their lesson plans (mean = 4.39), particularly emphasizing collaborative and communicative activities. A positive correlation was found between teacher competency and 4C1V integration ($r = 0.414$), as well as a strong relationship between ICT integration and 4C1V ($r = 0.70$). Despite facing challenges such as limited resources and initiative, teachers managed to adapt effectively and apply the principles of 21st Century Learning. The study recommends continuous professional development, peer mentoring and the provision of teaching resources aligned with 4C1V to strengthen the implementation of 21st-century skills in Tamil language education.



**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	22
1.9 Skop Kajian	26





1.10	Definisi Operasional	30
1.11	Batasan Kajian	34
1.12	Rumusan Bab	37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	39
2.2	Asas Teori dan Penjajaran PAK21	40
2.3	Cabaran, Jurang dan Arah Kajian dalam Perancangan Pelajaran Bahasa Tamil	53
2.4	Kajian RPH Bahasa Tamil	59
2.5	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran serta Prinsip 4K1N	65
2.6	Penilaian Autentik dan 4K1N	71
2.7	Faktor Mediasi dan Moderasi	78
2.8	Sokongan Persekitaran (Moderator)	80
2.9	Jurang Penyelidikan	83
2.10	Implikasi Kajian	88
2.11	Rumusan	93

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	95
3.2	Pendekatan Kajian / Reka Bentuk Kajian	96
3.2.1	Temu Bual Separa Struktur (Kualitatif)	97
3.2.2	Soal Selidik (Kuantitatif)	99
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	103
3.4	Lokasi Kajian	107
3.5	Kajian Rintis	108
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	112





3.7	Etika Penyelidikan	116
3.8	Rumusan	116

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	119
4.2	Dapatan Kajian Kualitatif	119
4.3	Dapatan Kajian Kuantitatif	155
4.4	Meramal Integrasi ICT dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH): Peranan Kompetensi Guru dan Ketersediaan Sumber	182
4.5	Meramal Integrasi Tugas Berkumpulan dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH): Kesan Cabaran Pelaksanaan PAK21	188
4.6	Rumusan	193

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	200
5.2	Perbincangan	201
5.2.1	Objektif 1: Integrasi elemen 4K1N dalam penulisan RPH	201
5.2.2	Objektif 2: Aktiviti pdpc yang mencerminkan prinsip 4K1N	201
5.2.3	Objektif 3: Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru	202
5.3	Cadangan Penyelesaian oleh Penyelidik	202
5.4	Implikasi untuk Amalan	204
5.5	Inovasi Berdasarkan Penemuan	208
5.6	Cadangan Kajian Masa Depan	213
5.7	Kesimpulan	217

RUJUKAN	218
----------------	-----

LAMPIRAN	224
-----------------	-----



**SENARAI JADUAL****NO JADUAL****MUKA SURAT**

4.3.4	Nilai Cronbach's Alpha dan Tafsiran	157
4.3.5	Taburan Min dan Sisihan Piawai Stastik Deskriptif	159
4.3.6	Laporan Analisis Korelasi Hubungan Antara Kompetensi Guru, ICT dan Elemen 4K1N	169
4.5.2	Statistik Deskriptif Untuk Integrasi Tugas Berkumpulan	188



SENARAI RAJAH

NO RAJAH

MUKA SURAT

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	18
-----	----------------------------	----



SENARAI SINGKATAN

PAK21

Pembelajaran Abad Ke-21

RPH

Rancangan Pengajaran Harian

4K1N

Komunikasi, Kreativiti, Kolaboratif, Pemikiran
kritikal dan Nilai Murni





SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Keaslian Status Disertasi
- D Halaman Penghargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman Abstract
- G Halaman Kandungan
- H Halaman Senarai Jadual
- I Halaman Senarai Rajah
- J Halaman Senarai Singkatan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah melakukan pembaharuan terhadap sistem pendidikan di Malaysia dengan melaksanakan banyak perubahan dalam dasar, matlamat, pendekatan dan strategi dalam pdpc di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Ekoran daripada perkembangan dan pembaharuan dalam sistem pendidikan di Malaysia, wujudnya kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. PAK21 dimaksudkan sebagai kaedah pembelajaran berpusatkan murid yang memfokuskan kepada kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta kebolehan berinteraksi yang efektif (Nik et al.2016). PAK21 melibatkan kemajuan berterusan ke tahap pemikiran kritikal dan kreatif yang lebih tinggi dalam persekitaran kerjasama serta kebebasan akademik. Elemen-elemen dalam PAK21 menggalakkan penglibatan kelas dan pembelajaran kepada murid untuk menggunakan



pendekatan pengajaran dan pembelajaran moden dan maju. Kemahiran yang diperoleh melalui elemen PAK21 memudahkan perkembangan intelektual, sosial dan emosi murid. Pedagogi PAK21 menganjurkan pengambilalihan pengetahuan dan kemahiran yang sistematik dan menggalakkan idea untuk melibatkan kemahiran analitik dan praktikal semasa pembelajaran.

1.2 Latar Belakang

Dalam landskap pendidikan Malaysia masa kini, aspirasi bagi mencapai Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) menuntut transformasi menyeluruh dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. PAK21 menekankan kemahiran 4K1N iaitu komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai. Kesemua elemen ini dianggap sebagai asas yang perlu bagi melahirkan murid yang seimbang, progresif serta mampu menghadapi cabaran dunia global yang semakin kompleks. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sebenar 4K1N tidak boleh hanya dilihat sebagai satu retorik dalam dasar pendidikan. Sebaliknya ia memerlukan penghayatan secara praktikal bermula daripada amalan bilik darjah hinggalah ke tahap paling asas iaitu perancangan pengajaran.

Dasar pendidikan yang digubal melalui pelbagai dokumen rasmi seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) hanya akan mencapai matlamatnya sekiranya diterjemahkan secara konkrit di peringkat bilik darjah. Di sinilah kedudukan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) menjadi penting kerana ia berfungsi sebagai medium utama untuk mengoperasikan dasar kepada amalan





sebenar. Guru menggunakan RPH sebagai panduan harian bagi melaksanakan objektif pembelajaran, aktiviti pengajaran serta penilaian yang sistematik. Oleh itu, kualiti sesuatu RPH akan menentukan sejauh mana PAK21 benar-benar dapat direalisasikan. Malangnya, kajian semasa memperlihatkan bahawa mutu RPH dan sejauh mana ia seiring dengan prinsip 4K1N masih tidak seragam. Faktor guru, mata pelajaran serta persekitaran sekolah mempengaruhi tahap integrasi 4K1N secara signifikan.

Dari aspek pengetahuan dan kesediaan, dapatan empirikal menunjukkan bahawa sebahagian besar guru di Malaysia memang sudah biasa dengan konsep PAK21. Mereka memahami bahawa komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti serta nilai perlu digabungkan dalam proses pengajaran. Namun demikian, tahap kesiapsiagaan untuk mengaplikasikannya masih berada pada paras sederhana. Menurut Mansor dan Jamaludin (2024), faktor kemudahan infrastruktur dan sokongan pentadbiran sekolah menjadi kekangan utama. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang berterusan antara pengetahuan dan tindakan atau lebih dikenali sebagai “know-do gap”. Kefahaman teori tentang elemen 4K1N tidak semestinya menjamin aplikasi yang berkesan dalam bilik darjah. Bagi merapatkan jurang ini, RPH perlu dibina dengan lebih teliti iaitu memasukkan objektif pembelajaran yang boleh diukur, aktiviti yang berfokus serta instrumen penilaian yang menilai aplikasi sebenar 4K1N.

Penulisan RPH pada umumnya masih berdepan dengan kelemahan dari segi penyataan objektif pembelajaran. Kajian menunjukkan objektif sering kali dirumus terlalu umum, tidak dapat diukur dan tidak menyatakan kriteria kejayaan yang jelas.





Dalam konteks RPH Bahasa Melayu, Ismail et al. (2025) menegaskan bahawa penggunaan model ABCDE (Audience, Behaviour, Content, Degree, Efficiency) mampu meningkatkan kejelasan serta keberukuran objektif pembelajaran. Model ini mengkehendaki guru menentukan siapa sasaran pembelajaran, tingkah laku yang diharapkan, kandungan yang diajar, tahap pencapaian yang dikehendaki serta kecekapan yang ingin dicapai. Penggunaan kerangka ini bukan sahaja memudahkan guru menulis objektif yang lebih konkrit tetapi juga memastikan integrasi 4K1N berlaku secara autentik. Sebagai contoh, aktiviti kolaborasi yang dirancang boleh dipadankan dengan bukti penilaian tertentu, sekali gus mengesahkan sama ada murid benar-benar telah menguasai kemahiran kolaborasi.

Kajian tentang amalan terbaik guru pula menekankan bahawa perancangan pengajaran yang berkesan tidak hanya berlaku semasa pelaksanaan di bilik darjah. Sebaliknya, kejayaan itu bermula sejak peringkat perancangan. Subri et al. (2024) yang meneliti RPH Guru Cemerlang Bahasa Melayu di sebuah institut perguruan di Terengganu mendapati bahawa RPH yang berjaya mempunyai rasional pedagogi yang mendalam. Ia bukan sekadar senarai aktiviti pengajaran tetapi disokong oleh justifikasi pedagogi yang jelas. Walaupun kajian tersebut menumpukan kepada pengajaran Kesusasteraan Melayu (KOMSAS), implikasinya adalah luas kepada subjek bahasa lain. RPH yang dirancang dengan baik akan memperlihatkan reka bentuk pedagogi yang harmoni, menjadikan 4K1N sesuatu yang organik dan bukan sekadar elemen tambahan yang hiasan.

Dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil, cabaran pelaksanaan 4K1N lebih kompleks kerana faktor kompetensi ICT. Thannimalai et al. (2022) mendapati





bahawa guru Bahasa Tamil berdepan dengan tahap persediaan dan kecekapan yang tidak seimbang dalam penggunaan ICT di bilik darjah. Sedangkan di bawah kerangka PAK21, ICT seharusnya dijadikan sebagai alat untuk merealisasikan 4K1N. Sebagai contoh, ICT boleh dimanfaatkan bagi aktiviti kolaborasi digital atau tugas penyelidikan berasaskan inkuiri. Namun, kelemahan integrasi ICT menyebabkan RPH Bahasa Tamil sering tidak memasukkan elemen digital, inkuiri, atau aktiviti kolaboratif yang signifikan. Hal ini membataskan peluang murid untuk benar-benar mengalami pedagogi abad ke-21. Penyelidikan lain (Hasan et al., 2024) turut menyatakan bahawa faktor beban kerja, kekangan masa mengakses sumber serta kekurangan latihan profesional berterusan menghalang usaha guru menyediakan RPH yang bermutu tinggi.



Selain daripada itu, variabiliti pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru bahasa turut dikaji oleh Farah Khanna et al. (2025). Kajian ini mendapati wujudnya kepelbagaian pendekatan individu dalam pengajaran, namun terdapat juga halangan umum yang sama dihadapi. Antaranya termasuklah kesukaran mengkoordinasi aktiviti, kelemahan dalam diagnosis formatif serta cabaran mengagihkan masa dengan berkesan. Kesemua faktor ini berpunca daripada kelemahan dalam amalan perancangan pengajaran. Justeru, kejayaan penyampaian di bilik darjah tidak mungkin tercapai tanpa kualiti RPH yang mantap.

Apabila dapatan daripada pelbagai kajian ini disintesis, jelas kelihatan satu jurang penyelidikan yang ketara. Walaupun terdapat banyak kajian tentang pelaksanaan umum PAK21 dan kualiti RPH dalam bilik darjah Bahasa Melayu, masih kurang penyelidikan yang meneliti secara khusus integrasi 4K1N dalam RPH





guru Bahasa Tamil di sekolah rendah. Tambahan pula, kesan integrasi tersebut terhadap reka bentuk pengajaran yang melibatkan penjajaran objektif, aktiviti dan penilaian masih kurang difahami. Mekanisme keberkesanan khusus juga masih kabur, misalnya sama ada RPH berasaskan 4K1N benar-benar dapat meningkatkan kejelasan objektif menggunakan model ABCDE, memastikan keselarasan tugasan dengan objektif serta memperkukuh indikator penilaian dalam konteks Bahasa Tamil.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menguji keberkesanan RPH guru Bahasa Tamil sekolah rendah apabila prinsip 4K1N diintegrasikan secara sistematik. Terdapat tiga aspek utama yang akan diberi perhatian. Pertama, kualiti sasaran pembelajaran, khususnya dari segi kejelasan, keberukuran serta kesesuaiannya dengan prinsip 4K1N. Kedua, kesesuaian aktiviti dan penilaian, iaitu sejauh mana kedua-duanya dirancang secara sejajar untuk mengoperasikan 4K1N dalam bilik darjah. Ketiga, peranan pemboleh ubah pengantara iaitu tahap persediaan guru dan kompetensi ICT. Faktor ini penting kerana tanpa kemahiran ICT serta persediaan yang mencukupi integrasi 4K1N berkemungkinan besar tidak dapat dilaksanakan secara optimum.

Dapatan kajian yang bakal diperoleh dijangka memberikan sumbangan signifikan dalam bidang pendidikan, khususnya dalam aspek perancangan pengajaran. Pertama, ia akan menghasilkan cadangan konkrit bagi memperkukuh amalan penulisan RPH guru Bahasa Tamil di sekolah rendah. Kedua, ia dapat menyumbang kepada pembangunan modul latihan guru yang lebih berfokus kepada integrasi 4K1N secara praktikal. Ketiga, hasil kajian ini diharap dapat mengurangkan





jurang antara pengetahuan dan pelaksanaan, sekali gus memperkukuh usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan PAK21 bukan sekadar slogan dasar tetapi realiti dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, kejayaan pelaksanaan PAK21 bergantung secara langsung kepada mutu perancangan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru. RPH bukan sekadar dokumen rutin tetapi instrumen pedagogi yang berfungsi sebagai jambatan antara dasar pendidikan dengan realiti bilik darjah. Tanpa RPH yang dirancang dengan teliti, integrasi 4K1N tidak akan dapat dilaksanakan secara bermakna. Kajian ini berusaha mengisi jurang penyelidikan dengan menilai sejauh mana integrasi 4K1N dalam RPH guru Bahasa Tamil sekolah rendah dapat meningkatkan kualiti reka bentuk pengajaran. Hasilnya nanti diharap bukan sahaja memberi manfaat kepada guru dan murid Bahasa Tamil, tetapi juga dapat dijadikan model kepada amalan pengajaran bahasa lain dalam konteks sistem pendidikan Malaysia.

1.3 Penyataan Masalah

Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam pendidikan di Malaysia, khususnya dalam pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), menghadapi cabaran besar dalam pengintegrasian elemen 4K1N (Komunikasi, Kolaborasi, Kreativiti, Pemikiran Kritis, dan Nilai) dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Walaupun PAK21 telah digariskan sebagai salah satu pendekatan utama dalam sistem pendidikan Malaysia, pengintegrasian 4K1N ke dalam RPH Bahasa Tamil di sekolah-sekolah rendah masih menunjukkan jurang





amalan yang signifikan. Walaupun teori PAK21 sudah dikenal pasti sebagai strategi pendidikan moden yang penting, penerapannya dalam pengajaran Bahasa Tamil di sekolah vernakular seperti SJKT masih belum dilakukan dengan sepenuhnya.

Berdasarkan kajian terdahulu, banyak sekolah SJKT yang masih mengamalkan pendekatan pengajaran berpusatkan guru dan penekanan pada hafalan berbanding dengan pendekatan yang lebih interaktif dan berpusatkan murid yang seharusnya wujud dalam PAK21. Ini menunjukkan adanya jurang dalam amalan yang berlaku antara apa yang sepatutnya dilakukan dan amalan yang diterapkan di bilik darjah. Kajian yang dijalankan oleh Ponnusamy & Hassan (2023) menegaskan bahawa walaupun PAK21 bertujuan untuk membangunkan kemahiran 4K1N dalam kalangan murid, pengajaran di SJKT masih kekurangan elemen kolaboratif, kreatif dan kritikal yang dapat menggerakkan pembelajaran lebih aktif. Sebagai contoh, dalam RPH Bahasa Tamil, banyak aktiviti yang dilaksanakan tidak memberi ruang yang cukup untuk pembelajaran kolaboratif, pemikiran kritis dan pengembangan kemahiran komunikasi yang seharusnya ada dalam pengajaran abad ke-21.

Selain itu, terdapat juga jurang dalam literatur yang membincangkan tentang integrasi 4K1N dalam RPH Bahasa Tamil secara mendalam. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan perhatian kepada subjek lain seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dilihat lebih dominan dalam kurikulum pendidikan negara. Pengajaran Bahasa Tamil pula sering kali diabaikan dalam kajian-kajian yang menilai implementasi PAK21 secara keseluruhan. Hal ini mencipta jurang penyelidikan yang jelas mengenai penggunaan teori dan amalan 4K1N dalam pengajaran Bahasa Tamil. Walaupun terdapat beberapa kajian yang menumpukan





kepada elemen-elemen tertentu seperti pemikiran kritis dan kreativiti dalam pengajaran bahasa, integrasi menyeluruh elemen-elemen 4K1N dalam RPH Bahasa Tamil khususnya masih belum banyak dikaji.

Kekurangan kajian spesifik ini memberi kesan langsung terhadap cara pengajaran Bahasa Tamil dirancang dan dilaksanakan di bilik darjah. Dalam SJKT, pengajaran sering kali terhad kepada aktiviti hafalan atau pembelajaran berfokuskan guru yang tidak memberi ruang yang cukup kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran berkolaborasi atau pembelajaran berasaskan projek. Hal ini boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan kemahiran abad ke-21 murid seperti komunikasi, kolaborasi dan kreativiti yang penting untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dalam dunia global yang semakin kompleks.



Kajian oleh Thannimalai et al. (2022) menunjukkan bahawa banyak guru-guru di SJKT tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai cara mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran untuk menyokong pembelajaran abad ke-21. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu dalam mengembangkan kemahiran digital yang juga merupakan komponen penting dalam PAK21. Namun, akses yang terhad kepada kemudahan teknologi dan kurangnya latihan guru dalam penggunaan ICT adalah beberapa faktor yang membatasi potensi penggunaan ICT dalam pengajaran Bahasa Tamil di sekolah vernakular ini. Kandasamy et al. (2023) juga menggariskan bahawa kurangnya sokongan teknikal di sekolah-sekolah tertentu menambah lagi cabaran dalam penggunaan teknologi secara meluas dalam RPH Bahasa Tamil.





Satu lagi kekangan yang ditemui adalah keterbatasan sumber bahan pengajaran yang berkualiti yang menggabungkan elemen 4K1N dalam RPH. Menurut Hasan et al. (2024), walaupun banyak bahan pengajaran untuk Bahasa Tamil tersedia, banyak di antaranya tidak memberi penekanan kepada kemahiran berfikir tinggi atau tidak sesuai untuk menyokong pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, kurangnya sumber yang sesuai untuk membantu guru merancang pengajaran yang lebih kreatif dan berfokuskan 4K1N menghalang pengembangan kemahiran abad ke-21 di kalangan murid.

Berdasarkan jurang-jurang penyelidikan ini, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan yang wujud dengan memberi penekanan kepada pengintegrasian 4K1N dalam RPH Bahasa Tamil di SJKT. Dengan memahami jurang dalam amalan semasa, kajian ini akan meneliti bagaimana elemen-elemen 4K1N dapat dimasukkan dalam RPH untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Tamil. Kajian ini juga akan menilai keberkesanan penggunaan ICT dalam pengajaran Bahasa Tamil dan memberikan cadangan tentang cara-cara untuk mengatasi kekangan yang ada, termasuk latihan ICT bagi guru, penyediaan bahan pengajaran yang lebih berfokuskan murid serta pembangunan sumber pengajaran yang lebih relevan dengan keperluan abad ke-21.

Dengan menilai pengintegrasian elemen 4K1N dalam RPH Bahasa Tamil, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan penting dalam pengembangan kurikulum Bahasa Tamil yang lebih holistik dan relevan. Selain itu, kajian ini juga akan memberikan panduan yang berguna untuk guru-guru Bahasa Tamil dalam merancang pengajaran yang lebih interaktif, kolaboratif dan berkekrativiti yang pada





akhirnya akan memperkukuh kemahiran berbahasa murid dan membentuk mereka menjadi individu yang lebih kompeten dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Sebagai kesimpulan, terdapat jurang penyelidikan yang jelas dalam kajian mengenai pengintegrasian 4K1N dalam RPH Bahasa Tamil terutama di SJKT. Walaupun PAK21 memberi penekanan kepada kemahiran abad ke-21 yang penting penerapannya dalam pengajaran Bahasa Tamil masih kurang diperhatikan dalam kajian terdahulu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menyediakan strategi praktikal bagi pengintegrasian 4K1N dalam RPH Bahasa Tamil serta mengatasi cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Tamil. Dengan ini, kajian ini tidak hanya memberikan sumbangan kepada literatur akademik tetapi juga mempunyai implikasi praktikal yang besar dalam pembangunan pendidikan Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).



1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengukur pengetahuan, kefahaman dan kesediaan guru-guru Bahasa Tamil di sekolah rendah dalam pelaksanaan PAK21 khususnya dalam aspek 4K1N. Dalam masa yang sama, diberi perhatian juga kepada cabaran guru-guru Bahasa Tamil sekolah rendah dalam penyediaan rancangan pengajaran harian.

Berdasarkan kepada tujuan kajian di atas, maka objektif kajian ini ialah:



- i. Menilai sejauh mana guru Bahasa Tamil mengintegrasikan elemen 4K1N dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH).
- ii. Mengkaji bagaimana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam RPH Bahasa Tamil mencerminkan prinsip 4K1N.
- iii. Mengenal pasti cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Tamil sekolah rendah dalam penyediaan rancangan pengajaran harian yang berteraskan elemen 4K1N.

1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian di atas, maka soalan-soalan yang boleh

diajukan dalam kajian ini ialah:

- i. Sejauh manakah guru Bahasa Tamil mengintegrasikan elemen 4K1N dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mereka?
- ii. Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam RPH Bahasa Tamil mencerminkan prinsip 4K1N?
- iii. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Tamil sekolah rendah dalam menyediakan rancangan pengajaran harian berpandukan elemen 4K1N?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan asas teori dan bukti empirikal, hipotesis berikut dirumuskan:

i. H1 (Kesan Langsung):

Semakin tinggi tahap integrasi 4K1N dalam RPH, semakin tinggi kualiti RPH yang dihasilkan (objektif jelas, aktiviti tersusun, dan pentaksiran autentik), selaras dengan prinsip *Constructive Alignment*.

ii. H2 (Kesan Pengantaraan ICT):

Hubungan antara integrasi 4K1N dengan kualiti RPH diantarai oleh kesediaan dan kompetensi ICT guru. Ini bermakna, tahap integrasi 4K1N yang sama boleh menghasilkan RPH yang lebih berkualiti apabila disokong oleh integrasi ICT yang bermakna.

iii. H3 (Kesan Pemoderatan Konteks):

Hubungan antara integrasi 4K1N dengan kualiti RPH dimoderatkan oleh sokongan persekitaran (beban kerja yang rendah, masa/sumber yang mencukupi, serta latihan berterusan). Hubungan tersebut menjadi lebih kukuh dalam keadaan di mana sokongan persekitaran lebih tinggi.

iv. H4 (Kejelasan Objektif):

Penggunaan model ABCDE dalam perumusan objektif menyumbang kepada pengukuhan komponen hasil pembelajaran dalam *Constructive Alignment*, sekali gus meningkatkan kualiti keseluruhan RPH.



1.7 Kerangka Konseptual

Kajian ini menggunakan Teori Penjajaran Konstruktif (Constructive Alignment) yang dikemukakan oleh Biggs sebagai kerangka teori utama. Konsep asas teori ini adalah penjajaran bersepadu antara hasil pembelajaran, aktiviti pengajaran, dan tugas pentaksiran. Teori ini sangat relevan dengan kajian ini kerana kualiti Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dinilai berdasarkan tiga dimensi sejajar, iaitu: (i) kejelasan objektif yang dirumus melalui model ABCDE atau SMART, (ii) kerelevanan aktiviti yang mengandungi integrasi kompetensi 4K1N dan (iii) amalan pentaksiran yang mengukur penguasaan 4K1N serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Literatur terdahulu turut menegaskan keperluan objektif yang boleh diukur, tugas yang berorientasikan 4K1N serta pentaksiran autentik yang sejajar dengan hasil pembelajaran. Oleh itu, teori Constructive Alignment memberikan asas teori yang kukuh bagi penyelidikan ini.

Sebagai kerangka sokongan, kajian ini juga memanfaatkan P21 – Framework of 21st Century Learning untuk menghuraikan serta mengoperasikan konstruk 4K1N (Komunikasi, Kolaborasi, Pemikiran Kritis, Kreativiti dan Nilai). Kerangka ini menjamin bahawa indikator 4K1N dapat diukur secara konkrit dalam penulisan RPH. Selain itu, ia berperanan dalam mengkonseptualisasikan bagaimana kompetensi abad ke-21 dapat disepadukan dalam objektif pembelajaran, kaedah pengajaran serta kaedah penilaian.

Akhir sekali, sorotan literatur turut menekankan kesediaan dan kompetensi ICT serta sokongan persekitaran (seperti beban tugas, akses kepada





sumber dan peluang pembangunan profesional) dalam menentukan kualiti RPH. Oleh itu, dimensi-dimensi ini diambil kira sebagai pemboleh ubah pengantara dan pemoderat dalam kerangka konseptual kajian, sejajar dengan bukti empirikal yang menunjukkan bagaimana faktor tersebut mempengaruhi perancangan instruksional.

A. Pemboleh Ubah Bebas (IV): Integrasi 4K1N dalam RPH

Pemboleh ubah ini ditakrifkan berdasarkan tahap sejauh mana komponen 4K1N diintegrasikan dengan jelas dalam aspek berikut:

1. **Matlamat Pembelajaran** – contohnya, matlamat yang secara khusus merumuskan elemen 4K1N yang disasarkan.



- o **Justifikasi Teori: Vygotsky's Social Constructivism** menyatakan bahawa pembelajaran adalah proses sosial yang melibatkan interaksi dan kerjasama. Oleh itu, integrasi kolaborasi dan komunikasi dalam objektif pembelajaran akan meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran.

2. **Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran** – bukan sekadar tugas kecil berasaskan arahan (cueing), tetapi melibatkan aktiviti yang berstruktur seperti tugas kolaboratif, aktiviti berasaskan inkuiri yang mendorong pemikiran kritis dan kreatif.



- o **Justifikasi Teori: P21 Framework** menekankan bahawa pembelajaran abad ke-21 mesti melibatkan aktiviti yang tidak hanya mengandalkan hafalan tetapi memupuk kreativiti, kolaborasi dan kemahiran berfikir aras tinggi melalui aktiviti yang menyokong penglibatan aktif murid.

3. **Pentaksiran** – contohnya, penggunaan rubrik komunikasi, bukti kolaborasi dan indikator berasaskan nilai.

- o **Justifikasi Teori: Bloom's Taxonomy** menegaskan pentingnya pemikiran aras tinggi dalam pembelajaran, di mana penilaian yang menilai kemahiran berfikir aras tinggi seperti analisis dan evaluasi, akan menyokong perkembangan kompetensi 4K1N.

Rasional di sebalik pemboleh ubah ini ialah bahawa RPH berfungsi sebagai medium penterjemahan dasar PAK21 kepada tindakan praktikal. Namun begitu, tahap penghayatan dan pengintegrasian 4K1N dalam kebanyakan situasi masih cetek sekiranya ia tidak dipaparkan secara konsisten dalam matlamat, aktiviti dan pentaksiran.

B. Pemboleh Ubah Bersandar (DV): Kualiti RPH

Kualiti RPH diukur berdasarkan prinsip **Constructive Alignment**, iaitu:

1. **Kualiti Objektif** – merujuk kepada kejelasan objektif, tahap kebolehdukuran serta penentuan kriteria kejayaan yang jelas. Penilaian ini menggunakan model **ABCDE (Audience, Behaviour, Content, Degree, Efficiency)**.

- o **Justifikasi Teori: Biggs' Constructive Alignment Theory** menunjukkan bahawa objektif yang jelas dan boleh diukur adalah asas untuk mengintegrasikan elemen 4K1N dalam perancangan pengajaran.

2. **Penjajaran Aktiviti** – menilai sejauh mana aktiviti yang dirancang selaras dengan matlamat 4K1N, dengan disokong oleh rasional pedagogi yang melangkaui sekadar senarai tindakan.

- o **Justifikasi Teori: Kolb's Experiential Learning Theory** menegaskan bahawa aktiviti pengajaran yang berorientasikan pengalaman sebenar akan membantu murid menguasai 4K1N dengan lebih berkesan.

3. **Penjajaran Pentaksiran** – memastikan terdapat konsistensi antara bukti atau indikator dengan objektif 4K1N yang ingin dicapai, termasuklah penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berdasarkan **Taksonomi Bloom**.

- o **Justifikasi Teori: Bloom's Taxonomy** memperjelas bahawa untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, penilaian perlu selaras dengan objektif yang merangsang analisis, sintesis dan penilaian, yang merupakan kemahiran utama dalam 4K1N.

C. Pemboleh Ubah Pengantara (M): Kesiediaan dan Kompetensi ICT


Pemboleh ubah ini merujuk kepada tahap literasi ICT guru serta keupayaan mereka mengintegrasikan alat digital dalam perancangan pengajaran bagi menyokong penerapan 4K1N. Bentuk integrasi tersebut termasuklah kolaborasi digital, inkuiri dalam talian serta penghasilan multimedia kreatif. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap kesiediaan dan kompetensi ICT merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan kejayaan integrasi 4K1N ke dalam RPH.

D. Pemboleh Ubah Pemoderat (Z): Sokongan Persekitaran dan Kekangan Kontekstual

Dimensi ini merangkumi keperluan kerja, akses kepada kemudahan dan masa pengajaran serta pembangunan profesional berterusan (CPD). Faktor-faktor ini boleh memperkukuh atau melemahkan hubungan antara integrasi 4K1N dengan kualiti RPH, bergantung kepada sejauh mana sokongan persekitaran tersedia di sekolah.

Rajah 1.1

Keberkesanan Integrasi 4K1N terhadap Kualiti RPH Guru Bahasa Tamil Sekolah Rendah



Perspektif teori kajian ini dapat digambarkan melalui satu model aliran seperti berikut:

1. Tahap Integrasi 4K1N dalam RPH (X) → Kualiti RPH (Y)

Hubungan langsung antara X dan Y mewakili Hipotesis 1 (H1).

2. Pemboleh Ubah Pengantara (M): Kesiediaan dan Kompetensi ICT

Pemboleh ubah ini terletak di tengah hubungan X dan Y, yang mewakili laluan $X \rightarrow M \rightarrow Y$ (Hipotesis 2, H2).

3. Pemboleh Ubah Pemoderat (Z): Sokongan Persekitaran dan Kekangan Kontekstual

Faktor pemoderat ini mengawal hubungan antara X dan Y. Dengan kata lain, Z berperanan dalam menguatkan atau melemahkan hubungan antara tahap integrasi 4K1N (X) dengan kualiti RPH (Y), selaras dengan Hipotesis 3 (H3).

4. Pemboleh Ubah Bersandar (Y): Kualiti RPH

Dalam pemboleh ubah bersandar ini, dimensi Kejelasan Objektif melalui Model ABCDE diketengahkan sebagai elemen penting, sesuai dengan Hipotesis 4 (H4). Kerangka ini memberikan penekanan kepada logik dalaman kualiti RPH yang berlandaskan teori *Constructive Alignment*. Pada masa yang sama, P21/4K1N bertindak sebagai konstruk kemahiran yang dioperasikan

melalui objektif, aktiviti, dan pentaksiran. ICT pula menjadi pengupaya (enabler) dalam menterjemahkan 4K1N kepada tindakan praktikal di bilik darjah, manakala faktor kontekstual menerangkan variasi keberhasilan dalam pelbagai persekitaran sekolah.

Penjajaran dengan Objektif Kajian dan Jurang Literatur

Kerangka konseptual yang dibangunkan ini secara langsung menjawab beberapa isu utama yang telah diketengahkan dalam literatur terdahulu:

1. Perbezaan dan penyimpangan dalam kualiti integrasi 4K1N dalam RPH.
2. Keperluan objektif yang jelas dan boleh dikenal pasti (model ABCDE/SMART) bagi memastikan integrasi 4K1N dapat dilaksanakan dengan bermakna.
3. Kepentingan rasional pedagogi serta kesepadanan antara aktiviti dan pentaksiran, berbanding hanya menyenaraikan tugas semata-mata tanpa justifikasi.
4. Peranan kesediaan ICT dan sokongan kontekstual (beban kerja, latihan, sumber) sebagai faktor penentu utama dalam menentukan kualiti perancangan pengajaran.

Sehubungan dengan itu, kerangka ini:

1. Menawarkan satu asas teori yang mantap iaitu *Constructive Alignment* untuk menganalisis kualiti reka bentuk instruksional RPH.
2. Mengoperasikan 4K1N melalui kerangka P21 – Pembelajaran Abad ke-21, agar indikatornya dapat diukur secara konsisten merentasi aspek objektif, aktiviti, dan pentaksiran.
3. Menggabungkan kedua-dua mekanisme iaitu pengantaraan ICT serta pemoderatan faktor kontekstual (persekitaran) bagi menjelaskan variasi dalam amalan, selaras dengan bukti empirikal yang sedia ada.

Cadangan Indikator Pengukuran

X: Integrasi 4K1N dalam RPH

Skala P21/4K1N: kewujudan dan kualiti aspek komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai yang diukur dalam tiga komponen iaitu:

- i. objektif,
- ii. aktiviti dan
- iii. pentaksiran

Y: Kualiti RPH (Penjajaran Konstruktif)

Dinilai menggunakan rubrik yang menekankan:

- **Objektif** – kejelasan, kebolehkuran serta kriteria kejayaan yang eksplisit (model ABCDE/SMART).
- **Aktiviti** – justifikasi pedagogi dan keselarasan dengan objektif 4K1N.
- **Pentaksiran** – bukti atau indikator kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta penjajaran dengan objektif 4K1N.

M: Kesian/Kompetensi ICT

Diukur melalui penilaian sendiri guru dan audit dokumen (contoh: penggunaan alat kolaborasi digital, platform inkuiri atas talian serta sumber multimedia).

Z: Sokongan Persekitaran

Merangkumi beban kerja, akses kepada masa dan sumber, serta peluang mengikuti pembangunan profesional berterusan (CPD).

1.8 Kepentingan Kajian

Penggunaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam pendidikan Bahasa Tamil di sekolah rendah vernakular Tamil memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap kesiapsiagaan murid terhadap dunia yang sentiasa berubah (Ponnusamy & Hassan, 2023). PAK21 menekankan aspek pemikiran kritis, kreativiti, kolaborasi, komunikasi dan nilai etika (4K1N) yang merupakan kemahiran utama untuk melengkapkan murid dengan keupayaan yang diperlukan dalam abad ke-21



(Thannimalai, Ponniah, & Nawastheen, 2022). Integrasi kemahiran tersebut dalam pembelajaran Bahasa Tamil amat signifikan kerana ia memastikan murid di sekolah vernakular Tamil memperoleh kemahiran tersebut setanding dengan murid dalam aliran bahasa lain (Ponniah et al., 2019).

Dari sudut dasar, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 menekankan kepentingan penerapan kemahiran abad ke-21 dalam bidang pendidikan (Baharuldin & Jamaluddin, 2019). Walaupun begitu, kajian menunjukkan masih terdapat guru Bahasa Tamil yang berdepan kesukaran untuk mengintegrasikan PAK21 secara berkesan. Hal ini berpunca daripada kurang pendedahan terhadap pendekatan pedagogi moden serta keterbatasan kemudahan ICT dalam amalan pengajaran mereka (Muhamad, 2022; Mohamad, 2022). Mengkaji isu ini membolehkan penyelidikan ini menyumbang kepada pembentukan program pembangunan profesional yang sesuai untuk guru Bahasa Tamil, sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran serta kecekapan guru (Ramalingam, 2024).

Pembelajaran interaktif berpusatkan murid ialah komponen utama PAK21 yang dapat dicapai melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) (Razak, 2021). ICT dalam bilik darjah Bahasa Tamil dapat membantu murid yang lemah meningkatkan keyakinan diri, menggalakkan penglibatan aktif, memperkaya kreativiti serta menyokong pembelajaran kolaboratif (Ibrahim, 2018). Walau bagaimanapun, antara cabaran utama yang dihadapi guru termasuklah kekurangan sumber teknologi, latihan yang mencukupi serta keterbatasan pengetahuan dalam mengintegrasikan alatan digital (Soh, 2021). Justeru, kajian ini turut membincangkan situasi penggunaan ICT dalam bilik darjah Bahasa Tamil serta mencadangkan





amalan terbaik untuk menyokong integrasi ICT dalam konteks ini (Yaacob & Rashid, 2024).

Selain itu, proses pembangunan kurikulum dan strategi pengajaran juga memainkan peranan penting dalam keberhasilan pelaksanaan PAK21. Kajian semasa mendapati bahawa walaupun kurikulum Bahasa Tamil sudah merangkumi aspek pembelajaran abad ke-21, namun wujud kekurangan konsistensi dalam menterjemahkan teori tersebut ke dalam proses perancangan pengajaran harian (Marimothu et al., 2024). Melalui semakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan amalan pengajaran, kajian ini akan mengenal pasti jurang yang wujud dan seterusnya mencadangkan satu kerangka untuk memastikan amalan pengajaran lebih berpusatkan murid, menarik serta menepati piawaian antarabangsa (Bell, 2010; Jansen & Van der Merwe, 2005).



Kepentingan kajian ini turut memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam pendidikan. Pembuat dasar, pihak pentadbiran sekolah, institusi latihan guru dan masyarakat akan memperoleh input berasaskan bukti untuk memperkukuh pelaksanaan PAK21 oleh guru Bahasa Tamil (Shah Rubani, Mohd Isa, & Khadijah, 2017). Tambahan lagi, kajian ini menyumbang kepada pembentukan pendekatan baharu dalam pengajaran kolaborasi dan pemikiran kritis, sekali gus membolehkan murid berfungsi dalam persekitaran sosial yang kompleks serta memenuhi tuntutan dunia pekerjaan global (Ponnusamy & Hassan, 2023; Thannimalai et al., 2022).





Elemen kolaborasi dan komunikasi yang berkesan merupakan aspek kritikal PAK21 kerana ia diperlukan untuk membangunkan kecekapan interpersonal dan sosial murid. Pembelajaran kolaboratif membolehkan murid dan guru berkongsi idea, meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah serta memperkukuh pembinaan ilmu (Ponniah et al., 2019; Baharuldin & Jamaluddin, 2019). Di samping itu, kemahiran pemikiran kritis membolehkan murid menilai situasi kompleks, membuat keputusan yang tepat serta bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran pembelajaran yang dinamik (Muhamad, 2022). Dengan memberi keutamaan kepada kemahiran ini, kajian ini akan membuktikan bahawa pendidikan Bahasa Tamil bukan sahaja meningkatkan kecekapan berbahasa, tetapi juga memperkukuh perkembangan kognitif dan sosioemosi murid secara menyeluruh.



Satu lagi isu penting yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah keperluan mendesak untuk merangka RPH yang sejajar dengan prinsip PAK21. RPH merupakan dokumen panduan yang membantu guru menyediakan objektif pembelajaran, aktiviti serta rancangan pentaksiran dengan jelas (Mohamad, 2022). Penerapan elemen 4K1N secara berkesan dalam RPH akan menjadikan aktiviti bilik darjah lebih bermakna, interaktif serta mendorong pencapaian hasil pembelajaran abad ke-21 (Ramalingam, 2024). Kajian ini, melalui analisis reka bentuk dan amalan semasa RPH Bahasa Tamil, akan mengenal pasti amalan terbaik serta peluang penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai kesimpulan, kajian ini amat signifikan dalam usaha memartabatkan pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia. Ia memberikan gambaran tentang tahap kompetensi guru, reka bentuk kurikulum, integrasi ICT serta penglibatan pelbagai





pihak berkepentingan yang diperlukan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PAK21. Hasil kajian ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan profesional guru Bahasa Tamil, memperbaiki pencapaian murid serta menjadi rujukan untuk kajian lanjutan atau penggubalan dasar dalam konteks pendidikan abad ke-21 (Razak, 2021; Yaacob & Rashid, 2024). Secara keseluruhannya, usaha ini diharap dapat melahirkan murid yang berdaya saing, inovatif serta berupaya untuk berjaya dalam persekitaran dunia moden yang kompleks (Bell, 2010; Shah Rubani et al., 2017).

1.9 Skop Kajian

Kajian ini menilai sejauh mana empat komponen utama 4K1N iaitu kolaborasi, komunikasi, kreativiti, pemikiran kritis dan nilai diterapkan dalam pengajaran Bahasa Tamil di 11 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang terletak di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hilir Perak. Pemilihan sekolah dan guru dibuat berdasarkan kriteria tertentu agar dapatan kajian yang diperoleh adalah tepat, relevan dan boleh dijadikan asas rujukan yang sah.

Rasional Pemilihan Kawasan Kajian

Daerah Hilir Perak dipilih kerana mempunyai latar pendidikan yang pelbagai, melibatkan sekolah dengan tahap infrastruktur yang berbeza serta variasi tahap kemahiran guru. Kepelbagaian ini menyediakan latar yang menyeluruh untuk menilai tahap integrasi elemen 4K1N dalam konteks pendidikan yang berbeza.



Pemilihan sekolah SJKT di daerah ini membolehkan analisis mendalam terhadap kebolehsuaian dan keberkesanan kurikulum Bahasa Tamil dalam memupuk kemahiran abad ke-21.

Kriteria Pemilihan Sekolah

Sebanyak 11 buah sekolah SJKT dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan kriteria berikut:

i. Pengalaman dalam Melaksanakan Elemen 4K1N

Sekolah yang dipilih telah menunjukkan komitmen dalam mengintegrasikan elemen 4K1N dalam amalan pengajaran. Data berkaitan penyesuaian kurikulum serta program pembangunan profesional guru yang berorientasikan kemahiran ini diambil kira.

ii. Ketersediaan Infrastruktur ICT

Sekolah yang mempunyai kemudahan ICT yang mencukupi dipilih bagi memastikan proses integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan, selaras dengan matlamat Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).

iii. Kepakaran Guru

Sekolah yang menempatkan guru Bahasa Tamil berpengalaman dipilih agar pelaksanaan elemen 4K1N dapat dijalankan dengan lebih berkesan kerana guru berpengalaman telah memiliki kemahiran serta pengetahuan yang relevan.

Justifikasi Pemilihan Guru Bahasa Tamil Berpengalaman

Kajian ini difokuskan kepada guru Bahasa Tamil yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun kerana Bahasa Tamil sebagai bidang pengajaran di sekolah rendah adalah relatif baharu dan guru berpengalaman ini dianggap paling sesuai untuk memberikan pandangan yang komprehensif.

i. Kedalaman Pengalaman

Guru berpengalaman mempunyai keyakinan lebih tinggi terhadap kemahiran mereka serta pemahaman mendalam terhadap pelaksanaan kurikulum semasa dan strategi pengajaran.

ii. Perspektif Sejarah

Guru senior berupaya memberi gambaran jangka panjang mengenai evolusi amalan pengajaran dan kesan reformasi pendidikan dari semasa ke semasa,

sekali gus memberikan perspektif sejarah terhadap pemindahan kemahiran abad ke-21.

iii. Kepimpinan dalam Amalan Pedagogi

Guru berpengalaman menjadi model teladan dan pemimpin dalam sekolah serta profesion mereka. Mereka memberi contoh amalan terbaik kepada rakan sejawat dan menyumbang kepada pembudayaan peningkatan berterusan dalam kalangan guru.

Dapatan kajian ini adalah khusus untuk sekolah SJKT terpilih di daerah Hilir Perak dan tidak semestinya boleh digeneralisasikan kepada daerah atau jenis sekolah lain. Penekanan kepada guru Bahasa Tamil berpengalaman juga merupakan limitasi kerana ia mengehendkan generalisasi dapatan terhadap guru dengan tahap pengalaman yang berbeza.

Pemilihan sekolah SJKT dan guru Bahasa Tamil berpengalaman berdasarkan kriteria yang jelas diharapkan dapat menghasilkan maklumat yang bermakna mengenai pelaksanaan elemen 4K1N dalam kurikulum Bahasa Tamil. Hasil kajian ini dijangka dapat dimanfaatkan dalam proses pendidikan seterusnya, sekali gus memperkukuh strategi pengajaran dan memastikan integrasi kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan sekolah rendah di Malaysia dilaksanakan dengan lebih efektif.

1.10 Definisi Operasi Kajian

1.10.1 Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21)

Dalam kajian ini, Pendidikan Abad ke-21 membawa maksud proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen – elemen PAK21 (4K1N) akan diukur melalui soal selidik dan rancangan pengajaran guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil di sekolah rendah.

1.10.2 Kolaborasi

Ditakrifkan sebagai kebolehan guru untuk merancang aktiviti pembelajaran yang menekankan kerja berpasukan, perkongsian tanggungjawab, dan saling menghormati antara murid. Dalam RPH, elemen ini dilihat apabila aktiviti melibatkan murid bekerja dalam kumpulan untuk mencapai matlamat bersama.

1.10.3 Komunikasi

Merujuk kepada keupayaan guru merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang mendorong interaksi berkesan antara murid dengan murid, serta antara murid dengan guru. Dalam RPH, elemen ini dapat dilihat melalui objektif dan aktiviti yang menekankan kemahiran menyampaikan pendapat, mendengar secara aktif, dan menggunakan bahasa dengan jelas serta sopan.



1.10.4 Pemikiran Kritis (Kritis)

Merujuk kepada keupayaan guru untuk merancang aktiviti pengajaran yang menggalakkan murid menganalisis, menilai, dan membuat keputusan secara rasional berdasarkan bukti dan hujah yang kukuh. Dalam konteks RPH, elemen ini dilihat melalui aktiviti yang mendorong murid menyoal, menilai maklumat, serta menyelesaikan masalah dengan berfikir secara logik.

1.10.5 Pemikiran Kreatif (Kreatif)

Ditakrifkan sebagai kebolehan guru merancang pengajaran yang membolehkan murid menghasilkan idea baharu, inovatif, dan pelbagai penyelesaian terhadap sesuatu isu atau tugas. Dalam RPH, elemen ini dapat dikenal pasti melalui strategi pengajaran yang memberi ruang kepada murid mencuba pendekatan atau idea yang unik dan luar kebiasaan.

1.10.6 Nilai

Merujuk kepada usaha guru menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat, tanggungjawab, kerjasama, dan integriti dalam aktiviti pengajaran. Dalam RPH, elemen ini dapat dikesan melalui objektif afektif dan aktiviti yang menggalakkan pembentukan sahsiah dan etika positif dalam kalangan murid.



1.10.7 Pengetahuan

Istilah pengetahuan yang digunakan dalam kajian ini, adalah bermaksud informasi yang diperoleh untuk mendapatkan pemahaman, pembelajaran dan pengalaman oleh guru yang mengajar matapelajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah. Pengetahuan merupakan domain yang sangat penting dalam membentuk tingkah laku seseorang kerana perbuatan yang didasari dengan pengetahuan lebih terkesan berbanding tanpa pengetahuan (Notoatmodjo, 2007). Pengetahuan merupakan sesuatu yang diperolehi dari hasil daya tahu seperti melihat, mendengar, merasakan dan berfikir akan membentuk informasi yang menjadi dasar bagi sikap dan tindakan seseorang. Maka dalam kajian ini pengetahuan 4K1N (PAK21) akan diuji dengan set soal selidik yang digunakan oleh pengkaji.

1.10.8 Kemahiran

Perkataan kemahiran dalam kajian ini membawa maksud kepandaian atau kecekapan guru yang dinilai dalam kajian ini. Kemahiran untuk menjalankan dan menggunakan elemen 4K1N telah didedahkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui kursus dan bengkel dalam penyemaian penggunaan PAK 21 dalam aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan. Maka, kemahiran dalam aspek PAK21 adalah kecekapan atau kepandaian guru – guru yang mengagajar Bahasa Tamil di sekolah rendah untuk memahami dan mendalami unsur-unsur PAK21 dalam aktiviti pdpc mereka. Kemahiran abad ke-21 merangkumi kemahiran, keupayaan, dan pembawaan pembelajaran yang telah

dikenal pasti diperlukan untuk kejayaan dalam masyarakat tempat kerja abad ke-21 oleh para pendidik. Pengkaji akan mengukur sejauhmanakah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil sekolah rendah menggunakan kemahiran yang didedahkan melalui kursus dan bengkel dalam penyediaan rancangan pengajaran harian di sekolah rendah.

1.10.9 Sekolah Rendah

Sekolah rendah merupakan peringkat pertama dalam proses pendidikan secara formal, selepas tamat prasekolah dan sebelum melangkah ke sekolah menengah. Sekolah rendah dibahagi kepada beberapa jenis. Sekolah kengsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Sekolah jenis kebangsaan terdiri daripada sekolah cina dan sekolah tamil dimana bahasa ibunda menjadi bahasa utama dalam pelajaran. Maka, sekolah rendah jenis kebangsaan tamil mempunyai matapelajaran Bahasa Tamil yang dijar oleh guru-guru lepasan pengkhususan tamil. Maka, istilah sekolah rendah yang digunakan dalam kajian ini adalah bermaksud, sekolah-sekolah yang menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.10.10 Rancangan Pengajaran Harian

Rancangan pengajaran harian yang digunakan dalam kajian ini adalah bermaksud satu set perancangan dan perincian guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil di sekolah rendah dalam pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Maka, pengkaji menggunakan rancangan

pengajaran harian guru-guru Bahasa Tamil di sekolah rendah untuk mengetahui tahap dan kesediaan guru dalam pelaksanaan dan penyemaian elemen 4K1N (PAK21) di bilik darjah.

1.11 Batasan Kajian

Dalam kajian sains sosial, adalah perkara biasa untuk menemui beberapa limitasi yang tidak dapat dielakkan. Kajian yang melibatkan subjek manusia mempunyai batasan kerana ia dipengaruhi oleh sifat subjektiviti tingkah laku manusia serta ketidakupayaan penyelidik untuk mengawal kesan faktor luaran yang boleh mempengaruhi proses penyelidikan atau pentafsiran hasil kajian (Shipman, 2014). Nilai subjektif dan bias penyelidik atau responden juga boleh memberi kesan terhadap cara data dikumpul dan dianalisis. Bagi penyelidikan kualitatif, kesahan ditentukan melalui sejauh mana reka bentuk kajian relevan (goodness) dengan proses pengumpulan data dan pentafsiran (Leung, 2015). Manakala dalam penyelidikan kuantitatif, kesahan dalaman dan luaran turut menjadi isu, justeru hasil kajian berpotensi untuk dipengaruhi oleh faktor-faktor tersebut.

Isu Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) merangkumi pelbagai aspek seperti amalan pengajaran guru, tahap kesediaan sekolah, pengurusan bilik darjah serta integrasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kajian ini secara khusus menumpukan kepada penilaian tahap pelaksanaan elemen 4K1N iaitu kolaborasi, komunikasi, kreativiti, pemikiran kritis dan nilai



dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) oleh guru Bahasa Tamil. Fokus ini penting agar kajian selari dengan objektif dan soalan kajian yang menilai pengetahuan, kemahiran serta cabaran guru dalam mengaplikasikan elemen 4K1N dalam perancangan bilik darjah.

Di Malaysia, sekolah rendah terbahagi kepada Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), yang seterusnya terdiri daripada aliran bahasa Cina dan Tamil. Kajian ini hanya menumpukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Hilir Perak. Walaupun pelbagai matapelajaran diajar di SJKT, kajian ini hanya meneliti mata pelajaran Bahasa Tamil untuk menilai tahap pelaksanaan elemen 4K1N dalam RPH. Fokus berasaskan subjek ini membolehkan analisis lebih mendalam terhadap amalan pedagogi dan seiring dengan objektif kajian iaitu mengukur kecekapan guru serta cabaran dalam melaksanakan kompetensi abad ke-21 dalam pengajaran Bahasa Tamil.

Kajian ini menggunakan kaedah campuran (mixed methods). Seramai lapan orang guru Bahasa Tamil telah ditemu bual untuk mendapatkan maklumat mendalam mengenai pengalaman, amalan, dan cabaran mereka dalam melaksanakan elemen 4K1N dalam perancangan pengajaran. Di samping itu, seramai 66 orang guru Bahasa Tamil turut terlibat dalam tinjauan soal selidik bagi menilai tahap pengetahuan, kemahiran dan cabaran mereka dalam mengintegrasikan elemen 4K1N dalam RPH. Dapatan kajian ini amat bergantung kepada maklum balas guru yang terlibat, berdasarkan kejujuran serta persepsi sendiri mereka semasa menjawab soal selidik dan temu bual.



Selain itu, skop kajian tidak merangkumi aspek lain seperti dasar pentadbiran, penglibatan ibu bapa atau perbezaan tahap kebolehan murid yang mungkin memberi kesan terhadap perancangan pengajaran guru. Walaupun faktor-faktor ini tidak dianalisis secara langsung, ia berpotensi memberi pengaruh terhadap hasil kajian. Batasan skop ini penting bagi memastikan kajian kekal terarah dan menepati objektif serta soalan kajian yang telah ditetapkan.

Secara ringkas, limitasi kajian ini meliputi:

1. Fokus hanya kepada guru Bahasa Tamil di sekolah SJKT daerah Hilir Perak, yang tidak boleh digeneralisasikan kepada subjek, daerah atau jenis sekolah lain.
2. Kebergantungan kepada data laporan sendiri melalui soal selidik dan temu bual yang berpotensi dipengaruhi oleh bias responden.
3. Penumpuan kepada penggunaan elemen 4K1N dalam penyediaan RPH semata-mata, tanpa melibatkan aspek lain pelaksanaan PAK21 seperti pengurusan bilik darjah dan integrasi ICT dalam pengajaran.
4. Kemungkinan pengaruh faktor luaran yang tidak dapat dikawal sepanjang proses kajian dan analisis dapatan, sebagaimana lazim berlaku dalam penyelidikan sosial.

Walau bagaimanapun, limitasi ini tetap memberi nilai tambah kerana ia mendedahkan tahap kesediaan, keupayaan serta isu yang dihadapi guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan kompetensi abad ke-21 dalam perancangan pengajaran harian mereka.



Justeru, dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman lebih luas tentang pelaksanaan PAK21 dalam pendidikan rendah di Malaysia.

1.12 Rumusan

Bab ini telah membentangkan ringkasan kajian dengan memberikan latar belakang, tujuan, objektif, soalan kajian, kepentingan dan skop penyelidikan serta limitasi kajian. Kajian ini menumpukan kepada penyiasatan bagaimana komponen 4K1N (komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai) diintegrasikan dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) oleh guru Bahasa Tamil di sekolah rendah. Dengan matlamat untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan murid menghadapi masa depan serta pembangunan holistik mereka, kajian ini bertujuan meneliti sejauh mana guru Bahasa Tamil mengaplikasikan elemen tersebut dalam amalan pengajaran mereka selaras dengan prinsip Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).

Soalan kajian bersama-sama dengan objektif telah dirangka bagi menilai tahap pengetahuan, kemahiran serta cabaran yang dihadapi oleh guru ketika mengaplikasikan 4K1N dalam RPH mereka. Kajian ini turut menegaskan kepentingan memberi keutamaan kepada guru Bahasa Tamil kerana mereka memikul peranan dwifungsi iaitu mengekalkan identiti budaya dan dalam masa yang sama memenuhi tuntutan pendidikan moden. Pemilihan sekolah rendah di daerah Hilir Perak yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar memastikan keterwakilan yang seimbang antara sekolah Kategori A dan B yang mempunyai infrastruktur ICT yang





mencukupi serta majoriti guru berpengalaman dengan lebih 10 tahun perkhidmatan. Hal ini menjamin penerokaan realiti praktikal yang lebih kukuh dalam pelaksanaan elemen PAK21.

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar kerana dapat membantu mempertingkatkan amalan pengajaran, memberi panduan kepada pembangun kurikulum, berperanan sebagai rujukan dalam merangka dasar serta memberikan pandangan praktikal kepada guru itu sendiri. Selain itu, skop kajian turut menjelaskan kumpulan sasaran kajian iaitu 66 orang guru Bahasa Tamil sebagai responden soal selidik dan lapan orang guru sebagai peserta temu bual. Limitasi kajian turut diakui, iaitu ia hanya terpakai kepada guru Bahasa Tamil di daerah Hilir Perak dan memberi fokus khusus kepada penyediaan RPH, bukannya keseluruhan aspek pelaksanaan PAK21.



Akhir sekali, limitasi kajian menunjukkan bahawa, seperti dalam mana-mana penyelidikan sosial lain, kajian ini terdedah kepada faktor luaran seperti bias sampel, nilai peribadi dan isu kontekstual. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperoleh dalam lingkungan parameter ini akan tetap memberikan maklumat berharga yang unik kepada konteks kajian, di samping menyumbang kepada perbincangan berkaitan pelaksanaan PAK21 di Malaysia.

Secara keseluruhannya, Bab Satu telah menyediakan asas kajian dari segi hala tuju, fokus dan batasan kajian. Bab-bab seterusnya (Bab 2 hingga Bab 5) akan memperincikan sorotan literatur, metodologi, analisis data, dan perbincangan untuk menelusuri objektif serta soalan kajian yang telah dirumuskan.

